

# Syarat lebih ketat untuk layak pinjaman PTPTN

## Kerajaan perlu adakan sistem potongan gaji secara automatik

Oleh Sharifah Salwa Syed Akil  
[inasalwa@bharian.com.my](mailto:inasalwa@bharian.com.my)

**K**UALA LUMPUR: Kerajaan digesa menetapkan syarat hanya ibu bapa berpendapatan kurang RM5,000 sebulan, mempunyai tanggungan ramai, tinggal di bandar besar dan luar bandar diberi keutamaan untuk pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

Presiden Majlis Permuafakatan Persatuan Ibu Bapa dan Guru Nasional (PIBGN), Prof Madya Datuk Dr Mohamad Ali Hassan, berkata pada masa ini tiada satu syarat khusus berhubung tangga gaji ibu bapa pelajar menyebabkan pelajar yang ibu bapa mereka berpendapatan tinggi turut mendapat keis-

timewaan itu.

"Kebiasaannya golongan seperti ini tidak mempunyai anak ramai untuk ditanggung dan pastinya mereka berkemampuan untuk menanggung yuran pengajian anak mereka," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Kelmarin, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata PTPTN memerlukan dana lebih RM5 juta setahun menjelang 2013 bagi membiayai pinjaman pendidikan pelajar yang bertambah.

Beliau berkata, kajian menyeluruh sudah dimulakan bagi melihat kaedah sesuai membolehkan agensi itu memperoleh dana berkenaan.

Pada masa sama, katanya, PTPTN juga mengkaji untuk memberikan pinjaman kepa-

da pelajar daripada golongan yang benar-benar memerlukan dan tidak perlu memberikan pinjaman kepada pelajar dari keluarga yang berkemampuan.

Prof Dr Mohamad Ali berkata, justeru, penetapan tangga gaji adalah perlu sebagai panduan kepada PTPTN untuk memastikan hanya pelajar daripada keluarga yang benar-benar tidak berkemampuan menerima pembiayaan PTPTN.


"Walaupun kita lihat pendapatan RM5,000 itu jumlah besar, sekiranya tinggal di bandar besar dan mempunyai tanggungan ramai, ia tidaklah besar sangat," katanya.

Beliau berkata, kerajaan juga perlu mengadakan sistem potongan gaji secara automatik selepas enam bulan

pelajar menamatkan pengajian untuk menjelaskan pinjaman pada kadar munasabah tanpa membebankan pelajar terbahit.

"Kerajaan perlu bersikap tegas dalam soal pembayaran balik pinjaman PTPTN dengan memberikan tempoh tertentu kepada pelajar terbahit untuk menjelaskan pinjaman masing-masing dan menjadikan ia sebagai bidang keberhasilan utama (KRA) dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) PTPTN.

"Kita yakin pelaksanaan ini bukan saja dapat mengelakkan pelajar daripada liat membayar malah diharapkan tidak akan timbul lagi soal kesukaran kutipan semula yang menimbulkan masalah besar kepada PTPTN sebelum ini," katanya.



**“**Penetapan tangga gaji adalah perlu sebagai panduan untuk memastikan hanya pelajar daripada keluarga yang tidak berkemampuan menerima pembiayaan PTPTN”

**Dr Mohamad Ali Hassan**  
Presiden PIBGN